

SIARAN MEDIA

6 APRIL 2013
CBMR-5-RFI-07-TUNASCEM-v1

UNTUK SIARAN SEGERA

CYBERSECURITY MALAYSIA LAKSANA TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT MELALUI PROGRAM TUNAS CEMERLANG 2.0

Program Tunas Cemerlang 2.0 - CyberSAFE Mentor berupaya mendidik masyarakat mengenai keselamatan siber dan membudayakan penggunaan Internet secara positif

(KUCHING, SARAWAK) – CyberSecurity Malaysia, pusat pakar keselamatan siber Nasional dan juga agensi di bawah kawal selia Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) hari ini melaksanakan tanggungjawab sosial korporat (Corporate Social Responsibility - CSR) melalui **Program Tunas Cemerlang 2.0.**

Program Tunas Cemerlang merupakan inisiatif CyberSecurity Malaysia mula diperkenalkan pada tahun 2009. Sehingga tahun 2012, program ini diadakan dengan kerjasama Universiti Teknologi Petronas (UTP) bersama rumah kebajikan Anak-Anak Yatim Bait Al-Amin di Parit, Perak.

Program Tunas Cemerlang diperluaskan ke Negeri Sarawak melalui program CyberSAFE (*Cyber Safety Awareness For Everyone*), iaitu program pendidikan bagi meningkatkan kesedaran orangramai mengenai keselamatan siber sebagai asas bagi merealisasi inisiatif CSR CyberSecurity Malaysia dalam mendidik masyarakat Malaysia mengenai kepentingan keselamatan siber serta tatacara penggunaan Internet secara positif dan berhemah.

Menurut Y.B. Datuk Haji Fadillah Haji Yusof, Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), evolusi teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) masa kini berkembang dengan begitu pesat dan telah mengubah gaya hidup masyarakat dunia termasuk rakyat Malaysia.

Ujar beliau lagi, keadaan ini menjadikan rakyat Malaysia cenderung untuk menjadi terlalu obses dengan penggunaan peralatan teknologi atau gajet yang mana akses kepada Internet berada di hujung jari pengguna Internet itu sendiri. Jika kesedaran mengenai keselamatan siber tidak diperkenalkan dari awal, maka ramai yang akan menjadi mangsa kepada salah laku siber dan terdedah kepada pelbagai ancaman yang boleh mendorong ke arah jenayah siber. Menurut beliau, keadaan ini mampu untuk mengganggu-gugat dan mengancam keselamatan serta kesejahteraan Negara.

“Istimewanya program Tunas Cemerlang 2.0 pada kali ini ialah ia menggunakan konsep CyberSAFE Mentor, di mana ianya melibatkan para pelajar Universiti yang akan bertindak sebagai Mentor.” Kata YABhg. Jeneral Tan Sri Dato’ Seri Panglima Mohd Azumi bin Mohamed (Bersara), Pengerusi CyberSecurity Malaysia.

Program Tunas Cemerlang 2.0 pada kali ini terbahagi kepada dua segmen, iaitu “Program Bersama Universiti” dan “Program Bersama Komuniti”. Program Bersama Universiti melibatkan seramai 30 orang pelajar dari Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) melalui Institute Rekabentuk & Inovasi serta Fakulti Seni Gunaan & Kreatif yang telah mengikuti bengkel selama dua (2) hari mengenai topik serta isu berkaitan keselamatan siber dan penggunaan Internet secara positif. Dari bengkel tersebut, para pelajar kemudiannya mengendalikan program kedua, iaitu Bersama Komuniti, di mana para pelajar menjadi ‘Mentor’, mewakili CyberSecurity Malaysia untuk mendidik dan memberi kesedaran mengenai kepentingan keselamatan siber kepada komuniti setempat. Program Bersama Komuniti diadakan di Sekolah Kebangsaan Merpati Jepang, Satok, Kuching.



"Kami harap program Tunas Cemerlang 2.0 – CyberSAFE Mentor ini dapat mendidik dan memupuk kesedaran orangramai mengenai kepentingan keselamatan siber dan dapat disebarluaskan ke seluruh pelusuk Negara. Dengan adanya jalinan kerjasama di antara Universiti tempatan seperti UNIMAS, kami berharap ianya dapat menwujudkan masyarakat Malaysia yang berilmu serta peka terhadap sebarang ancaman di alam siber." Ujar Tan Sri Azumi lagi.

Semenjak Program CyberSAFE diperkenalkan pada tahun 2009, seramai 114,670 orang yang merangkumi murid sekolah, pelajar universiti, remaja, serta individu perseorangan telah mengikuti program ini. Dari jumlah tersebut, seramai 63,000 telah mengikuti program ini pada tahun 2012 di seluruh Malaysia.

Program Tunas Cemerlang 2.0 - CyberSAFE Mentor inisiatif CyberSecurity Malaysia ini berlangsung selama tiga hari mulai 4hb April hingga 6hb April 2013. Majlis penutup diadakan di Sekolah Kebangsaan Merpati Jepang, Satok dan disempurnakan oleh Y.B. Datuk Haji Fadillah Haji Yusof, Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi dan turut dihadiri oleh YABhg. Jeneral Tan Sri Dato' Seri Panglima Mohd Azumi bin Mohamed (Bersara), Pengerusi CyberSecurity Malaysia dan juga Dr. Amirudin Abdul Wahab, Ketua Pegawai Eksekutif, CyberSecurity Malaysia.

CyberSecurity Malaysia is the national specialist centre for cyber security, under the Ministry of Science, Technology and Innovation (MOSTI). For additional information, please visit our website at <http://www.cybersecurity.my>. For general inquiry, please email to info@cybersecurity.my. Stay connected with us on www.facebook.com/CyberSecurityMalaysia and www.twitter.com/cybersecuritymy

*For further enquiries about this document, please call +603-89460999,
Mohd Shamil Mohd Yusoff (ext: 0895), email shamil@cybersecurity.my or
Sandra Isnaji (ext: 0867), email sandra@cybersecurity.my*



CyberSecurity Malaysia
(726630-U)



T +603 8946 0999
F +603 8946 0888
H 1 300 88 2999

Corporate Office:
Level 8, Block A
Mines Waterfront Business Park
No 3 Jalan Tasik, The Mines Resort City
43300 Seri Kembangan
Selangor Darul Ehsan
Malaysia
www.cybersecurity.my



Securing Our Cyberspace